

Kembali perkasakan Adat Perpatih Negeri Sembilan

SANJUNG. Majlis penyerahan brosur dana memperkasakan Adat Perpatih diadakan di Galeri Seri Menanti, Muzium Diraja Istana Lama Seri Menanti, Kuala Pilah, Negeri Sembilan baru-baru ini.

Dalam majlis itu, Pengarah Muzium Negeri Sembilan, Dr. Shamsuddin Ahmad telah menyerahkan brosur dana kepada Setiausaha Kerapatan Adat Luak, Datuk Perdana Abdul Khalid Ujang.

Dalam pada itu, lagu tradisi *Rumah Telapak Adat Lingkungan* ciptaan komposer Muhammad Hairy Abdul Halim turut didendangkan pada majlis berkenaan.

Menurut Penolong Kurator, Asrul Effendi Kamaruzzaman, lagu itu dicipta bertujuan untuk menyampaikan ilmu, mengetengahkan peranan serta fungsi rumah telapak datuk penyandang pesaka adat.



ABDUL KHALID (dua dari kiri) menerima brosur daripada Shamsuddin (kanan) di Muzium Diraja Istana Lama Seri Menanti, Kuala Pilah baru-baru ini.